

30 MAY 1998

Mahathir-Mat Taib '''

MUHAMMAD SEPATUTNYA ISYTIHARKAN HARTA KEPADA SAYA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhammad Taib sepatutnya mengisytiharkan hartanya kepada beliau.

"Seharusnya sebagai MB, dia mesti isytiharkan hartanya kepada saya," kata Dr Mahathir apabila ditanya pemberita mengenai pendedahan di Mahkamah Daerah Brisbane awal minggu ini berhubung harta Muhammad seperti tanah dan rumah bernilai berjuta-juta ringgit di Australia dan New Zealand.

Mahkamah berkenaan semalam membebaskan bekas Menteri Besar Selangor itu daripada dua tuduhan membuat perisytiharan palsu mengenai wang yang dibawanya semasa memasuki Australia pada 16 Dis 1996 serta gagal mengisytiharkan lebih A\$1.26 juta (RM2.9 juta) ketika mahu berlepas ke New Zealand enam hari kemudian.

Perdana Menteri ditanya pemberita sama ada beliau terperanjat dengan nilai harta yang dimiliki Muhammad di luar negeri.

"Saya ingat saya tidak perlu jawab dahulu soalan ini sehingga Majlis Tertinggi Umno membuat keputusan," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno selepas merasmikan perhimpunan agung ke-45 MCA di sini.

Menurut peraturan pentadbiran kerajaan, semua menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri perlu mengisytiharkan harta mereka kepada Perdana Menteri.

Ditanya mengenai kedudukan Muhammad sebagai Naib Presiden Umno ekoran beliau didapati tidak bersalah oleh mahkamah di Australia, Dr Mahathir berkata perkara itu akan diputuskan MT pada mesyuaratnya 8 Jun ini.

Katanya beliau sendiri tidak boleh membuat keputusan berhubung kedudukan Muhammad, yang meletakkan jawatan Menteri Besar dan bercuti jawatan Naib Presiden parti setelah didakwa di mahkamah berhubung kes itu.

"Yang itu kita tidak boleh tentukan sehingga MT bermesyuarat. Kalau tanya saya sekarang, saya hendak buat keputusan macam mana," kata Perdana Menteri.

Muhammad semasa perbincangan Isnin lepas memberitahu mahkamah bahawa beliau menggunakan nama isterinya Puan Sri Asbi Rohani Hasnan untuk membeli beberapa harta di Australia dan New Zealand.

Ini termasuk tanah bernilai A\$460,000 dan banglo yang juga bernilai A\$460,000 di Sovereign Island, Gold Coast; ladang di Currajong kedua-duanya di Australia bernilai A\$3.7 juta; rumah bernilai NZ\$500,000 dan dua bidang tanah bernilai kira-kira NZ\$4 juta di New Zealand.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata jawatankuasa pengurusan dan disiplin parti akan meneliti kes Muhammad pada mesyuaratnya minggu depan.

Menurutnya, jawatankuasa itu yang dipengeruskannya akan memaklumkan hasil mesyuarat kepada Dr Mahathir dan kemudiannya dibawa kepada Majlis Tertinggi.

"Saya telah berbincang dengan presiden parti dan kita telah bersetuju supaya perkara ini dibincang dalam Majlis Tertinggi," katanya selepas mengadakan pertemuan selama sejam dengan Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeke Anyaoku di sini.

Anwar sebelum itu mengadakan pertemuan dengan menteri-menteri belia dari 35 negara Komanwel yang menghadiri mesyuarat tiga hari mereka yang berakhir hari ini.

"Kita alu-alukan keputusan mahkamah itu dan kita ucapkan tahniah kepada Tan Sri Muhammad," katanya.

-- BERNAMA
--RA WAT